



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MEMBANGUN KURIKULUM ASAS SENI BERZANJI UNTUK INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

ANAS QHUSYAIRI BIN ROSLI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**MEMBANGUN KURIKULUM ASAS SENI BERZANJI UNTUK INSTITUSI
PENGAJIAN TINGGI**

ANAS QHUSYAIRI BIN ROSLI




**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN MUZIK
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**



**FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2021





Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 15 (hari bulan) MAY (bulan) 2021.

i. Perakuan pelajar :

Saya, ANAS QHUSYAIRI BIN ROSLI, M20172002424, FMSp (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk MEMBANGUN KURIKULUM ASAS SENI BERZANJI UNTUK INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, ZAHARUL LAIIDDIN BIN SAIDON (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk MEMBANGUN KURIKULUM ASAS SENI BERZANJI UNTUK INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI


(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN MUIK (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

18/03/2021

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROFESOR ZAHARUL LAIIDDIN BIN SAIDON
Pengerah
Pusat Antarabangsa dan Mobiliti
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Perak Darul Ridzuan



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: MEMBANGUN KURIKULUM ASAS SENI
BERZANJ UNTUK INSTITUT PENGAJIAN TINGGI

No. Matrik / Matric's No.: M2017200224

Saya / I: ANAS QHUSYAIRI BIN ROSLI

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 18/03/2021

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

PROFESOR ZAHARUL LATIF BIN SAIDON
Pegawai
Pusat Antarabangsa dan Mobiliti
Universiti Pendidikan Sultan Idris
Perak Darul Ridzuan

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan rasa syukur kehadiran Allah S.W.T, kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat saya menyiapkan kajian ini dengan jayanya, walaupun pelbagai rintangan dan ujian telah ditempuhi.

Dikesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya Prof Madya Zaharul Lailiddin Bin Saidon diatas kesabaran, sokongan, nasihat serta bimbingan dalam membantu saya dalam menjayakan kajian ini. Tidak dilupakan juga pakar yang telah menjadi rujukan Prof Madya Mohd Nizam Bin Nasrifan, serta barisan pensyarah Fakulti Muzik dan Seni Persembahan Universiti Pendidikan Sultan Idris yang sudi berkongsi pengalaman sepanjang pengajian saya disini.

Tidak lupa juga terima kasih diucapkan kepada para pakar Encik Mat Tarikh Bin Mansor, Encik Permizi Bin Hashim dan Ustaz Mohd Fahmi Asraf bin Haji Razali yang telah sudi menjadi informan rujukan dalam mendapatkan data-data kajian.

Jutaan terima kasih saya ucapkan kepada isteri tercinta Zarina Binti Ibrahim serta kedua ibu bapa saya yang dikasihi Encik Rosli Bin Sabaran dan Puan Zaleha Binti Mohamad dan adik-beradik yang sentiasa memberi semangat, dorongan, doa dan bantuan kepada saya sepanjang pengajian saya di Universiti. Sesungguhnya segala pengorbanan yang dilakukan hanya Allah yang mampu membalasnya.



Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada sahabat saya Encik Irfendi, rakan-rakan dan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam memberi sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan kajian ini. Semoga kajian ini menjadi satu ilmu yang bermanfaat dan memberi sumbangan terhadap agama, bangsa dan juga Negara. Semoga Allah memberkati anda semua.

ABSTRAK

Seni berzanji merupakan salah sebuah seni warisan bangsa yang kian dilupakan terutamanya dalam kalangan golongan muda. Jika dibiarkan, dibimbangi perkara ini akan memberi impak dari segi kelestariannya. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk membangun kurikulum asas seni berzanji untuk institusi pengajian tinggi. Kajian ini telah melibatkan kaedah pengumpulan data melalui temubual tiga orang pakar dalam seni berzanji dan juga melalui kajian pustaka bagi mengenalpasti isi kandungan, aspek teknik dan juga estetik asas seni berzanji dalam transmisinya secara tradisional. Data kajian ini telah disusun ke dalam Reka Bentuk Kurikulum (RK) dan Rancangan Instruksional (RI) seperti yang telah digariskan oleh Bahagian Pembangunan Akademik dan Qualiti (BPAQ) Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Dapatan yang diperolehi melalui kajian ini adalah berkenaan sejarah dan latar belakang seni berzanji, fungsi, pengetahuan teknikal, kaedah pengajaran dan pembelajaran, petua dan kaedah penilaian seni berzanji. Kurikulum yang dibangunkan ini boleh digunakan dimana-mana institusi pengajian tinggi khususnya pengajaran asas seni berzanji. Diharapkan usaha ini akan memberi impak yang positif terhadap kelestarian seni berzanji pada masa akan datang.

DEVELOP THE BASIC CURRICULUM FOR THE ART OF *BERZANJI* FOR HIGHER INSTITUTIONS

ABSTRACT

The art of *berzanji* is one of the nation heritage art that is increasingly forgotten, remarkably among the younger generation. The sustainability of the art of *berzanji* is jeopardised if the said nation heritage art being left ignored. This study aims to develop the basic curriculum for the art of *berzanji* for higher learning institutions. Data collection for this study were gathered through interviews with three experts in the art of *berzanji*. In addition, data were also collected through library research to identify the content, technical aspects, and the basic aesthetics of *berzanji* in a traditional transmission. The data of this study was integrated into the Curriculum Design and Instructional Plan outlined by the Academic Development and Quality Division (BPAQ) of Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). The findings in this study are history and background of arts of *berzanji*, function, technical knowledge, teaching and learning method, tips and the art of *berzanji* evaluation method. The developed curriculum can be utilised in any higher learning institutions, especially in the basic teaching of the art of *berzanji*. This study aspires to give a positive impact on the sustainability of the art of *berzanji* in the future.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAAN	iii
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	
SENARAI RAJAH	



BAB 1 PENGENALAN

1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar belakang masalah	3
1.2 Pernyataan masalah	6
1.3 Tujuan kajian	8
1.4 Persoalan kajian	8
1.5 Kerangka konseptual	9
1.6 Kepentingan kajian	10
1.7 Batasan kajian	11
1.8 Istilah	11
1.9 Penutup	12

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan	13
2.1 Kelestarian seni dan budaya	13
2.2 Transmisi pendidikan seni berzanji	16





2.3 Berzanji satu seni vokal Islam	19
2.4 Jenis dan sifat tarannum	24
2.5 Kandungan kitab berzanji	27
2.6 Cara dan etika bacaan berzanji	30
2.7 Nilai-nilai dalam berzanji	33
2.8 Teknik dalam nyayian	35
2.8.1 Pernafasan	37
2.8.2 Artikulasi	38
2.8.3 Fonasi dan resonansi	39
2.9 Asas latihan sebelum memulakan nyanyian dan penjagaan suara	39
2.10 Asas pembentukan kurikulum yang komprehensif	42
2.11 Model pembangunan kurikulum	45
2.11.1 Model kurikulum Tyler	46
2.11.2 Model kurikulum Stenhouse	47
2.11.3 Model kurikulum Taba	49
2.12 Pemilihan model Taba sebagai model kurikulum asas seni berzanji untuk institusi pengajian tinggi	52
2.13 Penilaian	54
2.14 Penutup	56

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan	57
3.1 Prosedur kajian	57
3.2 Informan yang dikaji	59
3.3 Alat pengumpulan data	61
3.3.1 Temu bual	61
3.3.2 Kajian pustaka	64
3.4 Analisis data	64
3.5 Kesahan dan kebolehpercayaan	67
3.6 Penutup	68



BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan	69
4.1 Dapatan temubual	70
4.2 Sejarah dan latar belakang seni berzanji	71
4.3 Fungsi	73
4.4 Pengetahuan teknikal berzanji	74
4.4.1 Kemahiran membaca al-Quran	74
4.4.2 Pengetahuan hukum tajwid dalam bacaan	75
4.4.3 Aspek sebutan	77
4.4.4 Aspek tarannum (lagu/maqam)	78
4.4.4.1 Tarannum/ lagu untuk peringkat asas pembelajaran	79
4.4.4.2 Rawi	82
4.5 Kaedah pengajaran dan pembelajaran serta alat bantu mengajar	83
4.5.1 Jumlah waktu yang efisien dalam proses pengajaran dan pembelajaran	86
4.5.2 Kedudukan ketika proses pembelajaran	88
4.6 Petua berzanji	89
4.6.1 Melunakkan suara	89
4.6.2 Memanjangkan nafas	91
4.6.3 Meninggikan renj suara	93
4.6.4 Mempercepatkan pemahaman	95
4.7 Penilaian	97
4.7.1 Kesalahan dalam bacaan seni berzanji	98
4.7.2 Kriteria yang mencantikkan bacaan	100
4.8 Pembentukan kurikulum asas seni berzanji	103
4.9 Rancangan Reka bentuk kurikulum pengenalan asas seni berzanji	108
4.10 Rancangan Instruksional (RI) kursus pengenalan kepada pengajaran dan pembelajaran alunan seni berzanji	112



4.11 Jadual pengajaran selama 14 minggu	113
4.11.1 Minggu satu: Pengenalan umum seni berzanji	113
4.11.2 Minggu kedua: interpretasi teks berzanji	115
4.11.3 Minggu ketiga: Pengenalan kepada lagu atau tarannum dalam Berzanji	118
4.11.4 Minggu keempat: Kesalahan dan kriteria bacaan yang terbaik	121
4.11.5 Minggu kelima: Teknik vokal	125
4.11.6 Minggu keenam: Sebutan huruf Hijaaiyah atau fasohah dan hukum tajwid	128
4.11.7 Minggu ketujuh: Alunan asas bacaan berzanji harakat satu hingga dua (pembukaan) ayat 1 dan 2	131
4.11.8 Minggu kelapan: Alunan asas bacaan berzanji harakat satu hingga dua (ayat 1 dan 2)	135
4.11.9 Minggu kesembilan: Alunan asas bacaan berzanji harakat tiga hingga empat bagi (ayat 3-4)	138
4.11.10 Minggu ke 10: Alunan asas bacaan berzanji harakat satu hingga empat bagi (ayat 5-8)	142
4.11.11 Minggu ke 11: Alunan asas bacaan berzanji harakat satu hingga empat bagi (ayat 9-12)	146
4.11.12 Minggu ke 12: Alunan asas bacaan berzanji harakat satu hingga empat bagi ayat 13-14 dan penutup	150
4.11.13: Minggu ke 13 dan ke 14: Penilaian	154
4.12 Penutup	155

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pendahuluan	156
5.1 Kesimpulan	157
5.2 Perbincangan	161
5.3 Cadangan	164
5.4 Penutup	166





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Ringkasan kandungan setiap Rawi	29
2.2 Komponen model Taba	51
4.1 Simbol pergerakan irama	85
4.2 Borang penghakiman pertandingan berzanji dan marhaban	101
4.3 Minggu satu: Pengenalan umum berzanji	113
4.4 Minggu kedua: Interpretasi teks berzanji	115
4.5 Minggu ketiga: Pengenalan kepada lagu atau tarannum dalam seni berzanji	118
4.6 Minggu keempat: Kesalahan dan kriteria bacaan yang terbaik	121
4.7 Kriteria penilaian aspek tarannum	123
4.8 Kriteria penilaian aspek tajwid	124
4.9 Kriteria penilaian aspek fasahah	124
4.10 Minggu kelima: Teknik vokal	125
4.11 Minggu keenam: Sebutan huruf Hijaiyah atau fasahah dan hukum tajwid	128
4.12 Minggu ketujuh: Alunan asas bacaan berzanji harakat satu hingga dua (pembukaan) ayat 1 dan 2	131





4.13	Harakat satu hingga dua (pembukaan) ayat 1 dan 2	134
4.14	Minggu kelapan: Alunan asas bacaan berzanji harakat satu hingga dua (ayat 1-2)	135
4.15	Harakat satu hingga dua (ayat 1-2)	137
4.16	Minggu kesembilan: Alunan asas bacaan berzanji harakat satu hingga empat bagi (ayat 3-4)	138
4.17	Harakat tiga hingga empat bagi (ayat 3-4)	141
4.18	Minggu ke 10: Alunan asas bacaan berzanji harakat satu hingga empat bagi (ayat 5-8)	142
4.19	Harakat satu hingga empat bagi (ayat 5-8)	145
4.20	Minggu ke 11: Alunan asas bacaan berzanji harakat satu hingga empat bagi (ayat 9-12)	146
4.21	Harakat satu hingga empat bagi (ayat 9-12)	149
4.22	Minggu ke 12: Alunan asas bacaan berzanji harakat satu dan empat bagi (ayat 13-14)	150
4.23	Harakat satu dan empat bagi (ayat 13-14)	153
4.24	Penilaian	154





SENARAI RAJAH

NO. RAJAH

MUKA SURAT

1.5 Kerangka konseptual	9
3.2 Aliran prosedur kajian membangun kurikulum seni berzanji untuk institusi pengajian tinggi	59



SENARAI ISTILAH

Burdah	Bunga-bunga atau getaran suara yang bersesuaian dan menarik ketika mengalunkan bacaan tarannum.
Fasahah	Kefasihan dalam sebutan.
Harakat	Gaya alunan lagu tarannum yang tersusun daripada qit'ah atau mahattah
Huruf Hijaiyah	Huruf yang terdapat dalam al-Quran iaitu huruf Alif hingga Ya.
Ibtida'	Memulakan bacaan setelah wakaf atau berhenti.
Lahjah	Bahasa manusia yang menjadi karakter dan dibiasakan atau loghat.
Jawabbul jawab	Nada tertinggi atau suara otak dalam tarannum setelah nada jawab.
Mahattah	Tempat berhenti pada setiap hujung ayat lagu atau tarannum.
Makhraj	Tempat keluar bunyi huruf seperti di halkum, lidah, bibir.
Maqam	Sistem mod Melodi dalam muzik Arab. Merangkumi konsep motif atau formula melodi, formula Kadens, hierarki pic, jeda mikroton serta konsep tetrakord.
Qit'ah	Suatu alunan irama lagu yang pendek tanpa mahattah.
Tajwid	Hukum bacaan dalam al-Quran.

Takrir	Pengulangan harakat bacaan dalam sesuatu lagu.
Tarannum	Kaedah mempelbagaikan suara dengan rentak, irama dan nada tertentu.
Tarqiq	Menipiskan sebutan sesuatu huruf.
Tafkhim	Menebalkan sebutan sesuatu huruf.
Wakaf	Memberhentikan bacaan dengan cara memutuskan suara dan melepaskan nafas di dalam satu tempoh dengan niat untuk menyambung bacaan.



BAB 1

PENGENALAN



1.0 Pendahuluan

Masyarakat Melayu khususnya di Malaysia sangat terkenal dengan kepelbagaian seni budaya dan warisan. Budaya dapat diertikan sebagai ringkasan atau kegiatan simbolis yang terarah, ianya dilakukan bersama-sama oleh ahli masyarakat dan dapat dipelajari dan disalurkan kepada semua anggota masyarakat. Budaya juga dapat digunakan oleh sesebuah kelompok masyarakat pada waktu dan tempat tertentu (Hasyim, 2016). A. Aziz Deraman dalam Shaliza (2015) menyatakan budaya dapat didefinisikan sebagai suatu pemikiran dan amalan kelompok masyarakat atau bangsa yang meliputi keseluruhan aspek kehidupan dan mempengaruhi cara hidup.





Kebudayaan dalam sesuatu kaum tidak boleh terlepas daripada unsur kesenian. Abdullah Yusof, Syaimak Ismail, Amidah Jalani & Nabilah Mohd Razif (2011), menyatakan bahawa kesenian dapat difahami sebagai satu hasil ciptaan manusia dan mempunyai nilai estetika dalam komposisi, eksperesi, dan memiliki hiasan yang menonjol atau dominan serta seringkali diambil kira aspek kegunaannya. Abdullah Yusof juga mengklasifikasikan seni kepada dua bentuk, iaitu seni halus atau seni utama dan seni kecil yang menekankan aspek kegunaan. Seterusnya Abdullah Yusof et al., (2011) turut menyatakan seni dalam masyarakat Melayu umumnya dapat diketagorikan kepada seni khat, seni ukir, seni bina, seni tekstil, seni tembikar, seni tari, seni silat dan seni muzik.



Menurut Mohamed Ghouse Nasuruddin (2003) kesenian dalam masyarakat Melayu tidak boleh lari daripada pengaruh luar rumpun, seperti Timur Tengah, India dan China. Antara pengaruh luar yang jelas terlihat adalah pengaruh Islam yang kebanyakannya berasal daripada negara timur tengah, sebagai contoh Zapin, Ghazal, Dhabus, dan Hadrah. Seni suara atau seni vokal juga merupakan salah satu cabang daripada kesenian Islam yang mempengaruhi kesenian muzik tradisional masyarakat Melayu. Antara seni suara yang jelas kelihatan dalam kesenian Islam ialah seni berzanji.





1.1 Latar belakang kajian

Berzanji merupakan salah satu daripada 12 genre puisi Melayu tradisional yang tergolong dalam genre dikir dan zikir (Baharom, 2007). Puisi dalam Berzanji merupakan himpunan karangan yang meriwayatkan kehidupan Nabi Muhammad s.a.w dan sering dibacakan secara berlagu. Puisi Berzanji ini dibahagikan kepada beberapa bahagian puisi yang disebut sebagai rawi. Nama sebenar pengarang kitab Maulid Berzanji ini adalah Sayyid Jaafar Bin Hassan dan kitab ini telah diamalkan sejak zaman kerajaan Abbasiyah ketika pemerintahan Harun al-Rashid. Menurut Muh. Hamka (2016), nama asal kitab berzanji ini adalah “Iqd al- Jawahir” yang bermaksud “kalung permata”. Perkataan berzanji itu sendiri telah diambil daripada nama kampung asal penulis iaitu Berzanj dalam wilayah Kurdistan, Iraq (Muhammad Fuad al-Maliki, 2009).



Kitab berzanji yang digunakan dalam masyarakat melayu mengandungi 18 rawi atau syair dan setiap rawi akan menceritakan babak baru sirah Rasulullah s.a.w. Terdapat tiga ratus lima puluh empat untaian rangkap atau ayat dalam kitab berzanji dan dari sudut keindahan bahasa, bunyi rima akhir “ah” dan “yah” dijadikan tema asas bagi keseluruhan ayat secara berselang seli (Ahmad Mujahid, 2012). Kenyataan ini disokong oleh Abdul Basit (2015), kitab berzanji ini menceritakan dan merungkai sejarah hidup Nabi Muhammad s.a.w yang menyebut mengenai keturunan, perkembangan kehidupan sejak zaman kanak-kanak sehinggalah dilantik menjadi Rasul.





Dari segi bacaan berzanji, menurut Ahmad Mujahid (2012) bacaan berzanji ini sesuai dilagukan dengan lagu atau tarannum sepertimana seni tarannum al-Quran. Antara lagu yang sering diguna oleh pembaca berzanji adalah seperti tarannum Bayati, Ras, Sikah, Rakbi dan Nahwand. Tarannum Sikah dan Ras dilihat lebih dominan untuk digunapakai oleh pembaca ketika mengalunkan bacaan berzanji. Kenyataan ini disokong melalui kajian Hashim Ashari (2012), beliau menyatakan lagu yang sering diguna adalah lagu atau tarannum Ras dan lagu Sikah.

Suatu masa dahulu seni berzanji ini sering diamalkan oleh masyarakat Melayu Islam di Malaysia dalam majlis-majlis tertentu seperti Maulidur Rasul, menyambut kelahiran, perkahwinan, berkhatan dan sebagainya. Namun demikian, kini kesenian berzanji tidak lagi popular. Hanya segelintir masyarakat Melayu sahaja yang masih mengamalkan dan berpengetahuan dalam kesenian berzanji ini. Oleh itu, dirasakan penting untuk kita mencari satu alternatif, agar tradisi Melayu Islam ini dapat dilestarikan.

Salah satu cara untuk melestarikan seni berzanji ini adalah dengan membawa seni warisan bangsa ini kedalam dunia pendidikan formal. Dadang (2016) menyatakan bahawa, nilai kearifan atau kepintaran tradisional tempatan akan dihargai jika nilai kepintaran itu diperkenalkan dengan baik. Justeru itu, salah satu cara terbaik untuk memperkenalkan kesenian berzanji khususnya bagi golongan muda masa kini dan bagi menjamin kelestariannya adalah melalui dunia pendidikan formal. Kenyataan ini turut disokong oleh





Dadang dalam penulisannya bahawa dalam menjamin kelestarian muzik tradisional sesuatu budaya adalah melalui proses pendidikan di sekolah.

Masa depan bangsa terletak di tangan generasi muda, begitu juga budaya dan warisan. Semua ini tidak boleh terlepas daripada pendidikan yang dikecapi anak-anak sekarang. Setiap segi pembelajaran disekolah akan ditentukan melalui kurikulum. Menurut S. Nasution (1994), menyatakan barang siapa yang menguasai kurikulum merekalah yang akan memegang nasib sesuatu bangsa. Tambahnya lagi kurikulum merupakan alat yang penting dalam berkembang sesuatu bangsa. Mohd Salleh lebar telah memberi beberapa pendefinisian pakar tentang kurikulum, Egan (1978) mendefinisi kurikulum sebagai isi kandungan untuk dipelajari dan diperluaskan untuk memasuki konsep kaedah atau metodologi pengajaran. Manakala tambahnya lagi, menurut Abdullah Mohd Noor dan Ahmad Jasni (1992) pula, mereka telah mendefinisikan kurikulum sebagai semua pengalaman pembelajaran yang diorganisasikan untuk pelajar-pelajar pada setiap institusi pendidikan.

Justeru itu, kajian ini secara khususnya adalah untuk membangun kurikulum asas seni berzanji untuk institusi pengajian tinggi, diharapkan usaha ini dapat menjadi salah satu cara untuk membawa kesenian ini ke dalam institusi pendidikan formal dan sekaligus kelestarian seni berzanji ini dapat dikekalkan dan diperturunkan kepada generasi yang akan datang. Shahril Fadzly (2014) menyatakan bahawa jika dibiarkan muzik tradisional ini tanpa pemartabatan dengan pendokumentasian seperti penulisan ilmiah dan bahan-bahan



rujukan, tidak mustahil muzik warisan bangsa ini akan pupus dan generasi akan datang tidak lagi mengenali muzik warisan mereka sendiri.

1.2 Pernyataan Masalah

Usaha untuk membawa kesenian berzanji ini kedalam dunia institusi pengajian tinggi bukanlah satu perkara yang boleh dipandang remeh, dalam membangun sebuah kurikulum asas seni berzanji untuk institusi pengajian tinggi mempunyai pelbagai masalah dan cabaran yang mesti diatasi, pelbagai aspek perlu diambil kira agar usaha ini dapat direalisasikan dengan jayanya.

Permasalahan utama dalam kajian ini adalah untuk mencari apakah kandungan untuk dimuatkan kedalam kurikulum asas seni berzanji untuk institusi pengajian tinggi? Hal ini kerana, kesenian berzanji tidak memiliki satu pendokumentasian yang jelas kerana seni berzanji diperturunkan secara lisan dari individu lain tanpa struktur dan organisasi dan kurikulum yang jelas. Menurut Osman (2003), kebanyakan rujukan tentang teknik nyanyian lebih kepada berbentuk penulisan barat dan teknik nyanyian Barat. Manakala rujukan vokal bagi nyanyian bukan klasikal tetap ada, namun rujukannya sangatlah terhad.

Permasalahan kedua yang dihadapi adalah bagaimana struktur kandungan kurikulum bagi pengajaran dan pembelajaran asas seni berzanji untuk institusi pengajian tinggi? Kesenian tradisional umumnya tidak memiliki struktur kurikulum yang standard

berbanding muzik barat yang memiliki bahan rujukan, kurikulum dan selibus sehinggakan proses transmisi sesuatu ilmu itu menjadi mudah. Permasalahan ini harus diambil berat kerana dalam usaha membawa kesenian berzanji kedalam institusi formal kriteria pendidikan formal itu harus dipenuhi, menurut Claudia, Tadaro (1995) pendidikan formal satu model pendidikan yang teratur dan berstruktur. Justeru itu, permasalahan ini harus diambil perhatian agar ianya dapat dibawa keduani pendidikan formal khasnya isntituti pengajian tinggi.

Dalam usaha membangun kurikulum asas seni berzanji untuk institusi pengajian tinggi permasalahan ketiga adalah apakah pandangan pakar terhadap kurikulum asas seni berzanji yang dibangunkan? Penilaian pakar adalah elemen terpenting yang mesti diambail kira agar kurikulum yang dibangunkan menjadi satu kurikulum yang baik, relevan dan sesuai untuk digunakan kedalam institusi pengajian tinggi. Pelbagai penilaian akan dibuat, seperti isi kandungan, objektif kajian, cara dan kaedah pengajaran, susun atur isi kandungan agar setiap elemen dalam penghasilan kurikulum yang baik dapat diterapkan.

Secara kesimpulannya, segala masalah yang timbul dalam pembangunan kurikulum asas seni berzanji untuk institusi pengajian tinggi haruslah didepani dengan mencari jalan penyelesaian yang baik. Diharapkan hasil kajian yang dijalankan ini, dapat memberi sumbangan yang besar dari segi transmisi pendidikan seni berzanji itu sendiri agar seni dapat disampaikan dengan lebih baik dan bersistematik dan mudah untuk diperturunkan kepada generasi lain yang akan datang.

1.3 Tujuan dan Objektif Kajian

Tujuan kajian yang dicadangkan ini adalah untuk membangunkan kurikulum asas seni berzanji untuk institusi pengajian tinggi. Secara khusus objektif kajian yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- 1) Menenal pasti kandungan bagi kurikulum asas seni berzanji untuk institusi pengajian tinggi.
- 2) Mengorganisasikan kandungan untuk kurikulum asas seni berzanji yang telah dikenal pasti bagi pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi.
- 3) Mendapatkan penilaian pakar terhadap kurikulum asas seni berzanji untuk institusi pengajian tinggi yang dibangunkan.


1.4 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif kajian di atas, kajian yang dijalankan ini ingin menjawab persoalan seperti berikut:

- 1) Apakah kandungan untuk dimuatkan kedalam kurikulum asas seni berzanji untuk institusi pengajian tinggi?
- 2) Bagaimanakah struktur kandungan kurikulum bagi pengajaran dan pembelajaran asas seni berzanji untuk institusi pengajian tinggi?
- 3) Apakah pandangan pakar terhadap kurikulum asas seni berzanji yang dibangunkan?

1.5 Kerangka Konseptual

Kerangka konseptual untuk kajian yang dicadangkan adalah seperti yang ditunjukkan dalam rajah di bawah:



Rajah 1.1. Kerangka konseptual

Kerangka konseptual diatas merupakan contoh struktur proses transmisi pendidikan seni berzanji yang pada asalnya berlaku secara informal. Melalui kajian ini, pengkaji ingin membawa kesenian ini kedalam dunia pendidikan formal dengan membangun kurikulum



asas seni berzanji untuk institusi pengajian tinggi dan menerapkan model kurikulum Taba sebagai asas reka bentuk kurikulum yang dibangunkan.

Asas model Taba mempunyai tujuh langkah untuk menyokong peranan utama seorang guru. Menurut Ornstein & Hunkin (2014), antara asas model Taba adalah diagnosis keperluan (*diagnosis of need*), Formulasi objektif (*formulation of objectives*), pemilihan kandungan (*selection of content*), organisasi kandungan (*organization of content*), pemilihan pengalaman pengajaran (*selection of learning experiences*), organisasi aktiviti pembelajaran (*organization of learning activities*) dan penilaian dan makna penilaian (*evaluation and means of evaluation*) (Norhafezah, et al., 2018).



1.6 Kepentingan kajian

Kurikulum seni berzanji untuk institusi pengajian tinggi ini dibangunkan untuk membantu para pelajar belajar mengenai asas seni bacaan berzanji secara bersistematik. Kurikulum ini boleh digunakan sebagai bahan rujukan khususnya untuk menerapkan pembelajaran dan pengajaran seni berzanji di institusi pengajian tinggi. Oleh kerana kurikulum asas seni berzanji untuk institusi pengajian tinggi tidak pernah dibangunkan, maka kajian yang dicadangkan ini sangat membantu dalam proses perlaksanaan pengajaran dan pembelajaran vokal Islam di peringkat institusi pengajian tinggi.



1.7 Batasan kajian

Kajian ini mempunyai batasan seperti berikut:

- i. Terbatas kepada asas bacaan seni berzanji di Malaysia iaitu pada rawi 1 dan tarannum Sikah.
- ii. Data-data yang diperolehi hanya melalui kaedah temubual dan kajian pustaka.
- iii. Hanya tiga pakar sahaja akan digunakan dalam mendapatkan maklumat.
- iv. Konteks kajian berfokus kepada kurikulum peringkat institusi pengajian tinggi.

1.8 Istilah

1.8.1 Berzanji

Berzanji adalah antara salah satu daripada 12 genre puisi Melayu tradisional, ianya merupakan puisi yang tergolong dalam genre dikir dan zikir (Baharom, 2007).

1.8.2 Institusi pengajian tinggi

Institusi pengajian tinggi menurut Kamus Dewan Edisi Keempat adalah membawa maksud Universiti ataupun maktab.

1.8.4 Kurikulum

Menurut laporan jawatankuasa kabinet mengkaji Dasar Pelajaran (1979), kurikulum merupakan satu perancangan pendidikan yang dilaksanakan oleh sekolah atau institusi pendidikan untuk mencapai matlamat pendidikan.

1.9 Penutup

Dalam bab ini, pengkaji telah memperjelaskan beberapa aspek berkaitan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian, persoalan kajian, kerangka konseptual, kepentingan kajian, batasan kajian serta istilah-istilah yang diguna pakai. Fokus utama dalam kajian ini adalah untuk membangun kurikulum asas seni berzanji untuk institusi pengajian tinggi dan diharapkan hasil dari kajian ini dapat membantu dalam proses pembelajaran dan pengajaran bacaan berzanji di institusi formal khususnya di peringkat institusi pengajian tinggi.